

'Bayar pinjaman ikut kemampuan'

NILAI: Peminjam yang mempunyai pinjaman tertunggak dengan Mara boleh membayarnya semula mengikut kemampuan masing-masing dan tiada apa yang harus dimalukan walaupun dengan ansuran hanya RM20.

Perdana Menteri, Datuk Seri 'Abdullah Ahmad Badawi, berkata jika seseorang itu boleh membayar dengan jumlah kecil ketika mereka kurang mampu, jumlahnya boleh ditambah apabila mereka sudah berkemampuan kelak.

"Tak usahlah cakap pasal malu tak malu ni, Masalahnya ada hutang dan yang keduanya, masalah bayaran. Jadi, terserah kepada Mara apa yang sebaik-baiknya supaya hanti hutang itu dibayar. Kalau talk bayar itu baru malu." katanya.

"Boleh jadi pada peringkat awal ini, kalau kurang mampu atau ma-

salah pekerjaan yang ada pada dia (peminjam), boleh bayar sikit, bayarlah sikit, kalau ada pendapatan lebih, bayarlah lebih.

"Apa yang penting dalam hal ini, hutang mesti dibayar," katanya selepas melancarkan kilang pengeluaran ubat-ubatan bioteknologi, Inno Biologies dan mengumumkan beberapa insentif kerajaan untuk sektor itu, di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, usaha Mara memperkenalkan bayaran serendah RM20 adalah bagi membolehkan peminjam membayar hutang mereka dan tidak mahu ada yang gagal menjelaskannya pula.

Sebelum ini, Mara yang menanggung tunggakan pinjaman pelajaran berjumlah hampir RM300 juta, bercadang mendapatkan semula hutang itu melalui pemotongan simpanan Akaun II Kumpulan Wang Simpanan

Pekerja (KWSP) peminjam terbabit.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Khamsiyah Yeop, ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2006 di Dewan Rakyat berkata, Mara sudah mengadakan rundingan dengan KWSP ber-

hubung perkara itu.

Bagaimanapun, cadangan itu dibantah pelbagai pihak dan Perdana Menteri turut menolaknya kerana berpendapat wang caruman KWSP untuk kegunaan kemudian hari kepada penearum apabila mereka bersara.

Berikutan itu, Pengerusi Mara, Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata pihaknya sedia menerima bayaran ansuran serendah RM20 sebulan daripada peminjam asalkan mereka menjelaskan pinjaman.

Bagaimanapun, ia dibantah Pengerusi Biro Pengaduan Awam dan Hal Ehwal Pengguna Umno, Datuk Subahan Kamalyang menyifatkan pembayaran RM20 itu memalukan dan menggambarkan golongan profesional Melayu begitu miskin.

FAKTA NOMBOR

Tunggakan pinjaman Mara

RM556j

Jumlah sehingga 30 Julai

121,486

Jumlah peminjam

**Oleh Abdul Halim Yusof
dan Hussain Said**